



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**3 - 5 FEBRUARI 2024 (SABTU - ISNIN)**

## Puluhan Bangkai Itik Hanyut Di Pusat Rekreasi Lubuk Timah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	04 Feb



Puluhan bangkai itik ditemui hanyut di kawasan rekreasi Lubuk Timah, Simpang Pulai, di sini, kelmarin. - Foto tangkap layar FB

IPOH: Puluhan bangkai itik ditemui hanyut di kawasan rekreasi Lubuk Timah, Simpang Pulai, di sini, kelmarin, dengan bau meloyakan sekali gus mengundang ketidakselesaan kepada pengunjung yang tular di media sosial.

Pengguna akaun Facebook (FB) dikenali Izzat Ibrahim, berkata keadaan itu menyebabkan keadaan persekitarannya berbau busuk sekali gus membuatkan semua pengunjung yang berada di tempat kejadian ketika itu beredar.

"Busuk betul air sungai Lubuk Timah, banyak bangkai itik lalu. Pengunjung yang ada semua beredar. Ada yang baru nak bakar-bakar ayam (barbeku) pun pergi," katanya menerusi hantaran dalam video FB mengenai keadaan itu.

Menurut keterangan itu lagi, pihaknya ada bertanya mengenainya kepada pekerja pembersihan kawasan rekreasi itu sebelum dimaklumkan itu kali pertama situasi sedemikian berlaku di situ.

Perkara itu turut disahkan menerusi dua hantaran di akaun FB Pusat Rekreasi Lubuk Timah yang mengesahkan kejadian itu berlaku kelmarin dengan menyatakan pengurus pusat rekreasi berkenaan sudah melaporkan kejadian itu ke Balai Polis Simpang Pulai.

"Aduan yang dibuat (di balai polis) sudah dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Veterinar (Jabatan Perkhidmatan Veterinar - JPV)," katanya.

Hantaran lain di FB Pusat Rekreasi Lubuk Timah turut menyatakan susulan insiden berkenaan maka operasi pusat rekreasi itu ditutup sehari pada semalam (3 Februari), dengan difahamkan ianya adalah bagi tujuan pembersihan sungai di kawasan terbabit.

Difahamkan, perkara berkenaan masih disiasat pihak berkuasa antaranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), JAS, dan JPV selain menyatakan pusat rekreasi berkenaan sudah kembali dibuka semula hari ini.

Kejadian itu juga mengakibatkan pengurusan pusat rekreasi yang turut menempatkan chalet penginapan itu mengalami kerugian kerana terpaksa memulangkan semula bayaran (refund), selain

kurang dikunjungi pengunjung.

Pusat Rekreasi Lubuk Timah adalah satu destinasi pelancongan popular di Perak, dengan mempunyai keunikan tersendiri kerana terdapat air terjun dan kolam air panas.-[BHONLINE](#)

## Misteri Bangkai Itik Hanyut Terjawab...

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	04 Feb



PULUHAN bangkai itik ditemukan hanyut di kawasan rekreasi Lubuk Timah, Simpang Pulai, di sini dengan bau meloyakan mengundang ketidakselesaan. FOTO tular

Ipoh: Puluhan bangkai itik hanyut di pusat rekreasi Lubuk Timah, Simpang Pulai, di sini, hingga menimbulkan bau meloyakan sekali gus mengundang ketidakselesaan kepada pengunjung.

-ADVERTISEMENT-

Ads by

Kejadian dipercayai berlaku kelmarin turut tular di media sosial.

Pengguna akaun Facebook (FB) Izzat Ibrahim berkata, keadaan itu menjadi punca air sungai di situ berbau sangat busuk sekali gus membuatkan

semua pengunjung beredar.

"Busuk betul air sungai Lubuk Timah, banyak bangkai itik lalu. Pengunjung yang ada semua beredar. Ada yang baru nak bakar-bakar ayam (barbeku) pun pergi," katanya menerusi pada hantaran video 'reels' FB.

Menurut hantaran itu, pihaknya ada bertanya kepada pekerja pembersihan sebelum dimaklumkan ia adalah kali pertama situasi sedemikian berlaku.

Dua hantaran lain di akaun

FB Pusat Rekreasi Lubuk Timah menyatakan pengurus pusat rekreasi berkenaan sudah melaporkan kejadian ke Balai Polis Simpang Pulai.

"Aduan yang dibuat (di balai polis) sudah dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS), (Jabatan Perkhidmatan) Veterinar," katanya.

Sementara itu, sumber berkata, perkara berkenaan masih disiasat pihak berkuasa selain menyatakan pusat rekreasi berkenaan sudah dibuka semula seperti sedia kala.

Menurutnya, keputusan yang diperoleh daripada JAS mendapati air sungai di situ tidak tercemar, namun masih menunggu laporan dan siasatan daripada agensi berkaitan.

"Perkara itu sehingga kini masih dalam siasatan termasuk bagi mengetahui punca sebenar kejadian biarpun lokasi datangnya puluhan bangkai itik berkenaan sudah dikenal pasti," katanya.-**MYMETRO**

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR